



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafs.gov.my

SIARAN MEDIA

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI KEPADA PESAWAH DAN NELAYAN

PUTRAJAYA, 29 MAC 2023 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyambut baik pengumuman oleh YAB Perdana Menteri khususnya berkenaan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri kepada pesawah dan nelayan. Pengumuman ini membuktikan keprihatinan Kerajaan membela nasib pesawah dan nelayan selaras dengan kerangka visi Malaysia MADANI.

Pemberian bantuan khas sebanyak RM200 kepada pesawah dan nelayan ini dijangka akan dapat memanfaatkan seramai 240,000 orang pesawah dan 38,500 orang nelayan di seluruh negara. Ini adalah tambahan daripada bantuan yang telah diberikan sebelum ini termasuk Elaun Sara Hidup Nelayan berjumlah RM300 sebulan dan sumbangan tunai kepada pesawah sebanyak RM200 sebulan untuk tempoh tiga (3) bulan atau semusim.

KPKM amat berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas keprihatinan beliau dalam memastikan kebajikan pesawah serta nelayan sentiasa terpelihara dalam menghadapi cabaran kos sara hidup yang tinggi dan KPKM berharap bantuan yang diberikan ini akan dapat membantu pesawah dan nelayan dalam membuat persediaan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri.

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU

MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

29 MAC 2023